

29

~~258~~
~~26/79~~

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN OMN,
 TINDALAN PERDANA MENTERI DALAM MAJLIS
JAMUAN MAKAN MALAM DI DEWAN SANTAPAN,
BANGUNAN SRI PERAK, IPOH PADA HARI
SABTU, 22ND DISEMBER, 1973 JAM
8.00 MALAM.

PEN. 12/73/168 (Tpm)

YAB Menteri Besar Perak,
Datuk Seri Haji Kamaruddin
dan Datin,

Pegawai-pegawai Kerajaan,

Ketua-ketua Parti Politik,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Dalam Majlis yang perasmi ini, saya amatlah sukacita untuk menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi terimakasih di atas sambutan dan undangan yang diberikan kepada saya dan juga isteri saya. Lawatan kami ke negeri Perak ini ialah yang pertama kali diadakan dan saya amatlah menghargai akan

perjumpaan ini kerana saya berpeluang bertemu dengan tuan-tuan sekalian.

2. Saya juga suka menyatakan ucapan terimakasih bagi pihak Kerajaan dan Jawatankuasa Pusat Tabung Kebajikan Peratra Negara di atas derma yang telah diberikan oleh Kerajaan dan rakyat negeri Perak sebagai sumbangan kepada tabung ini. Saya sukacitalah bahawa sumbangan ini sangat besar ertinya, oleh sebab ia pasti akan dapat memberi manfaat kepada keluarga ahli pasukan keselamatan kita.

3. Dalam pada itu, saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan rakyat tentang kewajipan memelihara dan meninggikan imej

Kerajaan di kalangan rakyat. Bagi ahli-ahli parti hendaklah sentiasa sadar akan tanggungjawab kita dalam parti dan berusaha untuk memperkukuh dan memperkuatkan parti kita supaya ia sentiasa kekal mendapat keyakinan dan kepercayaan daripada rakyat bagi memerintah negara. Keyakinan ini sangatlah besar ertinya kepada parti kita oleh sebab tidak ada sebuah parti di rantau ini yang dapat memegang tampok pemerintahan negara dalam tempoh yang begitu lama dan sentiasa mendapat kepercayaan rakyat.

4. Saya penuh berharap supaya setiap kita tidak mensesiakan amanah ini dan sebaliknya akan memberikan sokongan yang kuat terhadap

piapinan parti di peringkat negeri dan juga di peringkat pusat. Saya inginlah memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan Pusat akan sentiasa memberikan pertolongan di atas projek-projek yang berguna serta berfaedah besar kepada rakyat jelata.

5. Sebagai menutup ucapan rangkaian ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Kerajaan Negeri, khasnya YAB Menteri Besar dan tuan-tuan sekalian di atas sambutan meriah dan kemesraan yang diberikan kepada kami berdua.

Terimakasih.



No. SITI	1712 07
No. PENCATATAN	



No. Siri	582
No. Penerimaan	92/79